

Semua negara perlu berkorban: PM

1995 0 8 JUL 1994

Daripada A Nazri Abdullah

PARIS, Khamis -- Manfaat perundingan perdagangan pelbagai hala Pusingan Uruguay hanya dapat dinikmati jika semua negara menterjemahkan iltizam politik melalui tindakan melaksanakan semua konsesi yang dipersetujui.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berharap negara perdagangan utama dunia menunjukkan kepemimpinan yang dikenendaki bagi mengambil langkah mewujudkan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) pada 1 Januari, 1995.

Berucap di mesyuarat bersama ahli perniagaan Malaysia-Perancis di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, Malaysia bersedia melaksanakan iltizam ini dan mengambil langkah membaharui dasarnya bersesuaian dengan Pusingan Uruguay.

"Penyesuaian ini bukanlah langkah yang senang kerana ia membabitkan pengorbanan terhadap liberalisasi pasaran. Bagaimanapun, semua pihak mesti berkorban jika mahukan faedah daripada perkembangan perniagaan antarabangsa", katanya.

Malaysia yakin melalui pelaksanaan perjanjian WTO akan menyediakan garis perundangan yang

lebih jelas bagi melaksanakan perdagangan antarabangsa disamping mewujudkan mekanisme penyelesaian perbalahan yang lebih berkesan.

Dalam hubungan ini, Malaysia memandang berat usaha sesetengah negara untuk menghubungkan kaitkan piawaian buruh dengan perdagangan antarabangsa.

Perdana Menteri menegaskan negara membangun termasuk Malaysia menentang keras sebarang usaha menghubungkan perdagangan antarabangsa dengan piawaian buruh adalah satu-satunya kelebihan saingan di negara membangun.

"Kos buruh yang murah bukanlah kerana eksploitasi pekerja tetapi kerana kos hidup dan kadar inflasi di negara membangun rendah.

"Dengan kadar upah ini mereka boleh membeli lebih banyak barang berbanding upah dalam mata wang dolar," katanya.

Selain itu, negara membangun mempunyai pelbagai kelebihan bersaing termasuk modal, perusahaan, kemahiran teknologi, pengetahuan pasaran yang mereka bina sejak berdekad lalu.

"Sekiranya kelebihan bersaing ini dimusnahkan negara membangun tidak mampu menarik pelaburan dan tenaga kerja mere-

ka yang ramai akan menjadi penganggur. Ini bukanlah satu keadilan sosial," katanya.

Dr Mahathir berharap Kesatuan Eropah yang akan disertai oleh

Austria, Finland, Norway dan Sweden pada 1 Januari 1995 akan menyumbang ke arah pembangunan perdagangan antarabangsa yang bermanfaat.

Sebagai anggota Kesatuan Eropah yang penting, Perdana Menteri berharap Perancis bertindak menjamin Kesatuan Eropah yang lebih besar mengekalkan dasar per-

dagangan yang liberal dan menyumbang ke arah pengukuhan sistem perdagangan pelbagai hala serta pertubuhan perdagangan dan pengaliran pelaburan.